

FOR IMMEDIATE RELEASE

Content Forum Launches Public Review: Disability-Inclusive Language Guidelines

Developed with the disability community to foster fair, respectful, and inclusive communication across media and content.

Kuala Lumpur, 3 September 2025 – Language shapes how we think, interact, and value one another. With this in mind, the Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia (Content Forum) is inviting the public to take part in a **Public Review of its newly-developed Disability-Inclusive Language Guidelines**, open from 3 September to 10 October 2025.

The initiative seeks broad feedback to ensure the final document is fair, inclusive, and responsive to Malaysia's diversity. The review is open to all — including the persons-with-disabilities (PWD) community, content creators, media practitioners, and other stakeholders.

The guidelines were developed through close collaboration between PWD organisations, media professionals, advocacy groups, and industry experts. They are consistent with the principles of the Malaysian Communications and Multimedia Content Code (Content Code), which underscores the importance of dignity, inclusivity, and respect for all individuals regardless of background or ability.

According to **Content Forum Chief Executive Officer, Mediha Mahmood**, the guidelines were created in response to requests from media practitioners seeking clearer and more practical direction on how to communicate about persons with disabilities, aligning with the Content Code 2022, which calls for neutral terms and inclusive language.

"Language is more than a tool for communication; it shapes perceptions, challenges stereotypes, and opens the way to a more understanding and accepting society," she said.

Beatrice Leong, founder of Autism Inclusiveness Direct Action (AIDA) and an appointed council member of Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya Term 2025-2027, welcomed the effort, calling it a practical tool and a clear standard for media practitioners in Malaysia to uphold dignity and respect in how narratives of disabled people are built.

"These guidelines encourage the use of inclusive and context-appropriate terminology, while highlighting the importance of sustained collaboration with the disability community, whose input shaped this draft. Representation must be built with us to ensure that narratives are fair and reflect the diversity of our lived realities, not assumptions," she said.

As an open reference, the guidelines are intended for use across various forms of communication, including:

- Inclusive and accessible advertising campaigns
- Sensitive and constructive scripts and broadcast content
- Corporate communication that upholds ethics and respect
- Media reporting that treats persons with disabilities with fairness and dignity
- Public speeches and engagements that celebrate human diversity
- Social media content free from harmful stereotypes



The document is grounded in principles of human rights and fairness, tailored to Malaysia's cultural and social context. While it draws from global best practices, including the United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities (UNCRPD), it also incorporates local research findings and direct input from persons with lived experience of disability.

The Content Forum hopes the guidelines will serve as a progressive and practical reference, embracing the richness of language while respecting each individual's right to self-identify within their cultural and community context.

It now welcomes active participation in this Public Review, particularly from the PWD community, content creators, and media practitioners, before the **closing date of 10 October 2025**. Broad participation is vital to ensure the guidelines reflect the realities and needs of Malaysians today.

Feedback can be submitted via the Content Forum website at www.contentforum.my.

Join us in shaping a more inclusive and ethical content ecosystem — one that builds a society based on understanding and respect.

— END —

UNTUK SIARAN SEGERA

CMCF Lancar Tinjauan Awam: Garis Panduan Bahasa Inklusif Orang Kurang Upaya

Inisiatif ini dibangunkan bersama komuniti OKU bagi memupuk komunikasi yang lebih adil, hormat dan inklusif dalam media dan kandungan.

Kuala Lumpur, 3 September 2025 – Bahasa mencerminkan cara kita berfikir, berinteraksi dan menghargai antara satu sama lain. Dengan kesedaran ini, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) menyeru semua pihak untuk menyertai tinjauan awam berhubung **Garis Panduan Bahasa Inklusif Orang Kurang Upaya (OKU)**, yang kini dibuka dari 3 September hingga 10 Oktober 2025.

Inisiatif ini bertujuan mendapatkan maklum balas secara menyeluruh bagi memastikan dokumen akhir benar-benar bersifat adil, inklusif dan responsif terhadap kepelbagaian masyarakat Malaysia. Tinjauan ini juga terbuka kepada orang ramai, khususnya komuniti OKU, pencipta kandungan, pengamal media serta pihak berkepentingan lain.

Sebagai sebahagian daripada proses ini, garis panduan tersebut dibangunkan menerusi kolaborasi erat antara pelbagai organisasi OKU, pengamal media, kumpulan advokasi dan golongan profesional industri. Ia sejajar dengan prinsip Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Kod Kandungan) yang menegaskan pentingnya maruah, keterangkuman dan penghormatan terhadap hak semua individu tanpa mengira latar belakang atau keupayaan.

Menurut **Ketua Pegawai Eksekutif CMCF, Mediha Mahmood**, garis panduan ini dibangunkan susulan permintaan daripada pengamal media yang mahukan panduan yang lebih terperinci dan praktikal tentang cara berkomunikasi mengenai OKU, selaras dengan saranan penggunaan istilah neutral dan bahasa inklusif yang digariskan dalam Kod Kandungan 2022.

“Bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga membentuk persepsi, mencabar stereotaip dan membuka jalan ke arah masyarakat yang lebih memahami serta menerima” ujar beliau.

Mengulas lanjut mengenai kepentingan dokumen ini, **Beatrice Leong, pengasas Autism Inclusiveness Direct Action (AIDA)** merangkap ahli majlis lantikan **Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya bagi penggal 2025-2027**, menyambut baik inisiatif ini dan menyifatkannya sebagai satu panduan praktikal dan piawaian jelas untuk memastikan maruah dan penghormatan terhadap komuniti OKU terpelihara dalam setiap naratif yang dibina.

“Garis panduan ini menggalakkan penggunaan istilah yang inklusif dan sesuai dengan konteks, di samping menekankan kepentingan kerjasama berterusan dengan komuniti OKU yang telah menyumbang secara langsung dalam pembentukan draf ini. Representasi perlu dibina bersama komuniti OKU agar naratif yang terhasil benar-benar adil dan mencerminkan kepelbagaian pengalaman hidup mereka, bukannya sekadar andaian,” katanya.

Sebagai dokumen rujukan terbuka, garis panduan ini disasarkan untuk diaplikasikan dalam pelbagai bentuk komunikasi, termasuk:

- Bahan kempen pengiklanan yang mesra dan inklusif.
- Penulisan skrip dan kandungan siaran yang sensitif serta membina.
- Komunikasi korporat yang mengangkat nilai etika dan hormat.
- Laporan media yang adil dan bermaruah tentang individu OKU.
- Ucapan dan penglibatan awam yang meraikan kepelbagaian manusia.
- Kandungan media sosial yang bebas daripada stereotaip memudaratkan.

Dokumen ini dibangunkan berasaskan prinsip hak asasi dan keadilan, serta disesuaikan agar sejajar dengan konteks Malaysia. Selain mengangkat pengalaman tempatan, ia turut mengambil kira panduan antarabangsa seperti Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Kurang Upaya (UNCRPD), dengan menghormati sensitiviti budaya dan kepelbagaian keperluan masyarakat di negara ini.

Ia turut diperkukuh melalui dapatan penyelidikan dan proses konsultasi langsung bersama individu OKU yang mempunyai pengalaman hidup serta kepakaran dalam pelbagai bidang. Garis panduan ini diharap menjadi sumber rujukan yang pragmatik dan progresif, dengan meraikan kepelbagaian bahasa serta menghormati hak setiap individu untuk mengenal pasti diri mereka mengikut konteks budaya, komuniti dan identiti masing-masing.

Sehubungan itu, CMCF mengalu-alukan penyertaan aktif dalam tinjauan awam ini, khususnya daripada komuniti OKU, pencipta kandungan dan pengamal media, bagi menyuarakan pandangan serta mencadangkan penambahbaikan sebelum 10 Oktober 2025. Penyertaan menyeluruh amat penting bagi memastikan garis panduan ini mencerminkan realiti kehidupan dan keperluan sebenar rakyat Malaysia.

Untuk berkongsi pandangan atau maklum balas, sila layari laman web rasmi CMCF di www.contentforum.my.

Sertai usaha membentuk ekosistem kandungan yang lebih inklusif dan beretika, demi masyarakat yang saling memahami dan menghormati.

— TAMAT —

TENTANG CMCF

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) ialah organisasi kawal selia sendiri yang bebas yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sebagai forum industri yang ditetapkan oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (CMA'98) untuk menyelia dan menggalakkan pengawalseliaan sendiri kandungan melalui medium rangkaian elektronik. Forum Kandungan terdiri daripada pemain utama industri kandungan iaitu pengiklan, agensi pengiklanan, penyiar, pencipta/pengedar kandungan, penyedia perkhidmatan pengehos teks audio, agensi pengiklanan, penyedia perkhidmatan internet dan kumpulan sivik.

Bertujuan untuk memudahkan kawal selia sendiri, yang menyediakan lapisan tambahan perlindungan pengguna yang melengkapkan rangka kerja undang-undang, CMCF komited untuk mentadbir dan mempromosikan penciptaan, pengedaran dan penggunaan kandungan rangkaian elektronik.

Sebagai forum industri, CMCF terdiri daripada ahli utama industri kandungan komunikasi dan multimedia, termasuk penyiar, pengiklan, pencipta kandungan, penyedia perkhidmatan akses internet dan kumpulan sivik. Perwakilan pengamal industri yang dinamik dan teguh ini memastikan piawaian kandungan terus dibangunkan dengan objektif untuk mewujudkan gelanggang yang sama rata dalam industri.

CMCF bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("Kod Kandungan"). Kod Kandungan telah disediakan oleh CMCF dan pertama kali didaftarkan dengan MCMC pada 1 September 2004 dan telah diperbaharui pada tahun 2022. Kod Kandungan adalah sumber utama bagi pengawalseliaan sendiri industri kerana ia mengandungi piawaian pentadbiran dan amalan terbaik untuk penyebaran kandungan dalam komunikasi dan industri multimedia di Malaysia. Objektif utama Kod Kandungan adalah untuk menggariskan tatacara kawal selia sendiri yang menyediakan platform untuk kreativiti, inovasi dan pertumbuhan sihat industri yang berkembang pesat.

CMCF menempatkan Biro Aduan yang diberi kuasa untuk menangani semua aduan berkaitan kandungan yang disebarkan melalui rangkaian elektronik. Biro Aduan diberi kuasa untuk menyiasat kemungkinan pelanggaran Kod Kandungan, menguruskan pertikaian, mengadili kes, mengeluarkan arahan dan mengenakan sekatan jika perlu. Biro Aduan menerima aduan daripada pemain industri dan orang awam. Selain itu, ia memainkan peranan untuk menyediakan nasihat kepada mana-mana pihak yang memerlukan panduan tentang hal berkaitan kandungan elektronik.

Dikeluarkan oleh GO Communications bagi pihak CMCF

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

GO Communications

Lim Huei Yuih, Brand Director

+6012 635 3278

hueiyuih@gocomm.com.my

Celine Lau, Senior Brand Manager

+6012 962 2111

celinelau@gocomm.com.my